

# Tokoh korporat cemerlang bidang pentadbiran, pertanian

## Belasungkawa

**B**UKU suling karya Tan Sri Basir Ismail bertajuk *Land and Agricultural Policy: A Mismatch* menjadi bukti kesungguhan usahawan Melayu yang disegani itu untuk memajukan taraf hidup bangsanya menerusi pelbagai aktiviti ekonomi berasaskan pertanian.

Buku yang dilancarkan pada Mac 2005 – selepas lebih 50 tahun beliau menimba ilmu di Kolej Pertanian Serdang, Selangor, membuktikan kejayaannya dalam dunia pentadbiran dan korporat tidak pernah melunturkan kecintaan kepada bidang pertanian yang sehati dengan dirinya.

Semuanya kini tinggal kenangan apabila Basir yang sepatutnya genap berusia 80 tahun bulan depan, menghembuskan nafas terakhirnya kira-kira jam 6 pagi semalam, selepas beberapa minggu mendapat rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) akibat sakit tua.

Tidak keterlaluan jika buku yang ditulis Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) itu boleh dijadikan hadiah istimewa Allahyarham kepada negara dan wajar dijadikan bahan rujukan untuk golongan muda serta kerajaan bagi mengembangkan sektor pertanian, selain membela nasib petani.

“Kerajaan perlu membuat kajian bagaimana mencantumkan balik tanah pertanian yang kecil supaya menjadi unit lebih besar bagi meningkatkan daya pengeluaran. Langkah ini amat berkesan kerana banyak tanah terbiar tidak diusahakan,” itulah antara kata-kata Allahyarham pada majlis pelancaran buku berkenaan.

Kenalan rapat Allahyarham yang

BH 20/1/2007  
juga Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Ani Arope ketika diminta mengimbuai kenangan ketika sama-sama menuntut di Kolej Pertanian pada awal 1950-an menyifatkan Allahyarham sebagai nasionalis Melayu yang memiliki keistimewaan tersendiri.

“Mudah didekati, tidak dapat menerima sesuatu yang tidak logik dan hanya membuat keputusan selepas menilai secara menyeluruh, itulah Allahyarham yang saya kenali.

“Sikap begitulah banyak membantu Allahyarham memajukan diri dan kerjayanya. Bagaimanapun, dalam apa juga keadaan, Allahyarham akan sentiasa diingati sebagai seorang insan yang amat baik hati,” katanya.

Bekas Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Bhd (TNB) itu juga menganggap sikap proaktif Allahyarham membuka mata Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) untuk mendapatkan khidmat Allahyarham.

“Pelbagai jawatan disandang di PKENJ kerana kewibawaan Allahyarham terserlah, malah di situ juga Allahyarham bernasib baik kerana mempunyai rakan sekerja yang komited dengan tugas masing-masing,” katanya yang menyifatkan pemergian sahabatnya sebagai kehilangan besar.

Selain pertanian yang sentiasa dekat di hati Allahyarham, minatnya terhadap kereta klasik juga diketahui ramai, malah pemilik Rolls Royce itu pernah menyertai konvoi rali kereta klasik yang diadakan dari Kuala Lumpur ke kampung halamannya di Taiping pertengahan Disember lalu.

Sebagai anak kelahiran Taiping, Perak, Allahyarham diberi penghormatan mengetuai konvoi itu bagi menyemarakkan prapelancongan Fiesta Taiping. Sayangnya, acara sama yang bakal berlangsung lagi pada 26 Mei hingga 2 Jun ini sempena Tahun Me-

lawat Malaysia 2007 akan berlangsung tanpa Allahyarham.

Allahyarham pulang ke tanah tumpah darahnya apabila disemadikan di Masjid Simpang, Taiping semalam.

Dilahirkan pada 11 Februari 1927, Allahyarham meninggalkan isteri Puan Sri Hamidah Abdul Rahman dan empat cahaya mata, iaitu anak lelaki tunggal Ahmad Riza dan tiga perempuan masing-masing Roshayati, Rozilawati dan Rozana Zeti.


Pemegang ijazah Sarjana Sains Pertanian dari Universiti Durham, United Kingdom itu mendapatkan pendidikan asas dalam bidang sama di Kolej Pertanian pada 1951.

Selain Pengerusi MPOB, jawatan penting yang pernah disandang Allahyarham adalah Pengerusi Petronas (1988-1995), Pengerusi Institut Penyelidikan Kelapa Sawit (Porim) dan Sepang F1 International Circuit (1993). Pada Oktober 1999, Allahyarham dilantik Pengerusi Eksekutif Malaysia Airports Holdings Bhd.

Basir memulakan kerjayanya sebagai pegawai pertanian kanan di Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian (MOA) pada Februari 1966 sebelum dilantik menduduki dua jawatan pada tahun sama iaitu Pengerusi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) pada 1970.

Kredibiliti Allahyarham dalam sektor pertanian memang terserlah apabila dilantik Timbalan Ketua Pengarah di MOA pada 1977 sebelum kembali berkhidmat ke Johor.

Bagaimanapun, perjalanan kerjanya berubah apabila dilantik sebagai Pengarah Bank Negara Malaysia (BNM) pada 1978 hingga 1984, selain menjadi Pengerusi Kumpulan Fima Bhd dan Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). PKENJ pada masa sama melantik Allahyarham se-



Allahyarham Basir Ismail

“Mudah didekati, tidak dapat menerima sesuatu yang tidak logik dan hanya membuat keputusan selepas menilai secara menyeluruh, itulah Allahyarham yang saya kenali”

Tan Sri Ani Arope  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Universiti Sains Malaysia (USM)

bagai penasihat perniagaannya.

Pada 1984, sekali lagi Allahyarham mengisi kerusi Pengarah BNM hingga 1987 tetapi pada 1985 hingga 1990, Allahyarham dilantik Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra Malaysia Berhad.

Pemergian Allahyarham ke Rahmatullah, semalam disifatkan sebagai kehilangan besar kerana negara kehilangan tokoh ulung yang amat disegani yang berjaya melakar kecemerlangan dalam kedua-dua bidang pentadbiran dan korporat, khususnya pertanian. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnyanya. Amin.